



GEREJA KRISTUS LIKAS

Mengenal dan Memperkenalkan Kristus

Bisypop Diosis: The Rt. Rev. Datuk Meller Jiki Tais

Suffragan Bisypop: The Rt. Rev. Kenneth Thien Su Yin



Hubung

P.O. Box 18510, Pejabat Pos Besar Kota Kinabalu,
88670 Kota Kinabalu, Sabah

Pejabat: 088-426312, 213220 | Mudah alih: 019-6611558

<http://christchurchlikas.org/> | cclikas@gmail.com


Trinititi 8 - 26 Julai 2026

Doa Hari Ini

Allah Mahakuasa, Engkau tahu bahawa kami tidak punya kuasa sendiri untuk membantu diri kami. Peliharalah kami baik dalam tubuh maupun dalam batin, agar kami dilindungi daripada segala bencana yang mungkin berlaku pada tubuh dan daripada segala fikiran jahat yang mungkin menyerang dan menyakiti jiwa kami, melalui Yesus Kristus Tuhan kami. Amin.

Injil - Lukas 11:1-13

Bacaan Responsif - Kisah Para Rasul 4:23-31



"Yesus, jadikanlah aku rindu untuk berdoa bersama umat-Mu."

BERTEKUN UNTUK BERDOA

KISAH PARA RASUL 2:42

Kebaktian BM disiarkan **secara langsung, 11:30 pagi.:**

- YouTube: <https://www.youtube.com/>

[@christchurchlikas/streams](https://www.youtube.com/@christchurchlikas/streams)

Selamat datang ke pertemuan jemaat Tuhan. Marilah kita bersama-sama menghadap Tuhan Yesus yang telah bangkit, dan saling menguatkan untuk hidup setia dan mentaati-Nya.

1. PERJALANAN PEMURIDAN

Kita teruskan siri khutbah yang mengajak kita merenungkan kehidupan kita bersama di Gereja Kristus Likas, berdasarkan kehidupan Gereja Mula-mula dalam Kisah Para Rasul:

- Ciri-ciri Gereja, Kisah Para Rasul 2
 - 26 Julai - 'Berdoa Bersama'
- Cabaran-cabaran Gereja
 - 2 Ogos - 'Penyalahgunaan', Kisah Para Rasul 3 & 4
 - 9 Ogos - 'Ketidakpercayaan', Kisah Para Rasul 5
 - 16 Ogos - 'Salah faham', Kisah Para Rasul 6



2. PERSEKUTUAN DOA JEMAAT – Ahad depan

CHI, 9:45 pg; ENG, 11:45 pg, dan, BM, 7:30 mlm.

3. KEBAKTIAN PENETAPAN - 23 OGOS

- 8:30 pagi – Ibadah Penetapan gabungan (Cina & Inggeris)
- 11:30 pagi – Ibadah Penetapan BM

Penetapan ialah saat di mana calon menyatakan komitmen untuk mengikut Yesus secara terbuka. Bisyop akan berdoa agar Roh Kudus meneguhkan iman mereka. Dalam keadaan tertentu, Bishop juga menerima mereka yang datang dari latar denominasi lain ke dalam keluarga Gereja Anglikan.

Sementara itu, Kelas Penetapan masih berjalan:

- CHI: Sabtu & Ahd, 10:00 pg @ ARK; Rab, 7:30 mlm
- ENG, Pejabat gereja: Sel, 7:30 mlm; Jum, 7:30 mlm; Sab, 9:30 pg
- BM, Pejabat gereja: Ahd, 9:30 pg; Sab, 3:30 ptg; Sab, 7:00 mlm

Sementara itu, **Pembaptisan** akan dijalankan pada 9 Ogos dalam semua ibadah kita. Sila mendaftar.

4. SINOD DIOSIS KE-34 - 24-27 OGOS

Dalam Dewan Paderi, wakil kita ialah Rev. Andriano, Rev. Samuel dan Rektor. Manakala dalam Dewan Awam, wakil kita ialah Stephen Chin, Ps. Margaret Chong dan Pak Johny Luntungan.

Berdoalah untuk Bishop Melter agar Tuhan memberikan hikmat dan kekuatan kepadanya dalam memimpin seluruh Diosis untuk melaksanakan misi Tuhan di Sabah dan di sekitarnya.

5. VAN GEREJA BAHARU

Dana yang diperlukan: RM180,000. Terkumpul setakat ini: RM16,960. Marilah memberi menurut kemampuan yang Tuhan anugerahkan kepada kita. Nyatakan "van gereja" sebagai butiran.



6. KONFERENSI ALKITAB

- Tema: 'DI BUMI SEPERTI DI SYURGA': Memahami kehidupan di bumi dari perspektif syurga.
- 14 Ogos, Jum, 7:30 pm - Sesi 1: 'Penciptaan & Pandangan Dunia'
- 15 Ogos, Sab: 9:00 pagi
 - Sesi 2 & 3: 'Penebusan dan Pandangan Dunia'; 'Pemulihan & Pandangan Dunia'.
 - Kesaksian Penerapan: 'Pemberian Kristian – Menggunakan Wang Saya untuk Kerajaan Tuhan'
- Pembicara: Dr. Jason Garwood (pastor-teologis), dan, Ps. Matthew Belleville (pastor-penginjil).
- Semua sesi akan dijalankan dalam bahasa Inggeris.
- Sila mendaftar dengan yuran RM10 untuk menikmati jamuan kopi!

7. ACARA ISTIMEWA

- 15 Ogos, Sabtu, 6:00 petang
 - Untuk muda-mudi CHI&ENG - 'Pembelajaran Kristian – Menggunakan pendidikan saya untuk Kerajaan Tuhan'. Pembicara: En. James Woo (KL), pendidik dan pensyarah.
- 16 Ogos, Ahad, 1:30 petang
 - Untuk BM – 'Panggilan Kristian – Menggunakan hidup saya untuk Kerajaan Tuhan'. Pembicara: Pak Marco Sandhiputra (Jakarta).

Berdoa agar sesi ini membawa semangat baru untuk belajar.

8. PELAYANAN LAINNYA

- 30 Jul, Kha - **Perjamuan Kudus Rumah**, 8:00 pg.
- 1 Ogos - Pertemuan **Evergreens**, Dewan Omega, 9:30 pg.
- 12–20 Ogos – Kejohanan **Bola Keranjang Antara Gereja**
20-23 Ogos - **Konferensi Empower 2026**, *Glory Christian Centre*.
- 15-16 Sep - **Konvensyen Pelayanan di Tempat Kerja Borneo**, SICC. Dianjurkan oleh Alpha Malaysia. Pendaftaran diperlukan.
- Setiap Ahad petang, **sukan & permainan** tersedia: pickleball, bola keranjang, bola sepak dan bola tampar. Bawa rakan-rakan anda.
- **Bunga** hari ini disumbangkan oleh Robert & Veronica Cheng.

UNTUK PEMBERIAN DALAM TALIAN

RHB Bank | 2-10103-0001913-1

Christ Church Likas

Boost: <https://myboost.app.link/FPvG94VIT4>



‘YANG KUKEHENDAKI IALAH MENGENAL KRISTUS’

- Filipi 3:10

Bacaan Alkitab minggu ini	Is, Jul 27	Mat 16-17	Mz 44	Jum, Jul 31	Mat 23-24	Mz 48
	Sel, Jul 28	Mat 18	Mz 45	Sab, Ogos 1	Mat 25	Mz 49
	Rab, Jul 29	Mat 19-20	Mz 46	Ahd, Ogos 2	Mat 26	Mz 50
	Kha, Jul 30	Mat 21-22	Mz 47			

Kisah Para Rasul 2:42 – “Berpegang Teguh kepada Doa”

- Untuk Renungan dan Perbincangan:

- a. Adakah anda lebih suka berdoa seorang diri atau berdoa dalam kumpulan? Mengapa?
- b. Gereja Awal ialah sebuah gereja yang berdoa. Apakah perkara pertama yang mereka lakukan selepas Yesus naik ke syurga? Baca Kisah 1:12-14. Pada salah satu pertemuan doa, Roh Kudus turun atas mereka pada hari Pentakosta. Selain doa peribadi, bilakah kita biasanya berdoa bersama?
- c. Baca Kisah 4:23-24. Apakah yang dilakukan oleh para murid apabila mereka menghadapi penganiayaan? Apakah manfaat berdoa bersama-sama dengan orang percaya yang lain? Baca juga Kisah 12:5. Bagaimana kita boleh lebih banyak berdoa dalam kelompok sel? Berikan beberapa cadangan.
- d. Dalam ayat 24, mereka memanggil Tuhan sebagai Tuhan yang berdaulat. Apakah maksud “berdaulat”? Apakah yang mereka minta daripada Tuhan yang berdaulat dalam ayat 29-30? Apakah perkara yang boleh kita minta daripada Tuhan yang sama ini, untuk diri kita sendiri, dan untuk komuniti serta negara kita?
- e. Bila kali terakhir anda menghadiri persekutuan doa? Apakah yang anda sukai tentang pertemuan itu? Apakah kesukaran yang anda hadapi? Ahad malam, kita ada Malam Doa-Puji-Sembah. Rancanglah untuk hadir.

UNTUK DIDOAKAN

Negara Kita yang Tercinta

- Berdoa untuk sistem kesihatan negara; bersyukur untuk para pengarah hospital, doktor dan jururawat. Berdoa agar lebih ramai petugas kesihatan dibangkitkan untuk melayani masyarakat.

Pelayanan Muda-mudi Kita yang Tercinta

- Berdoa untuk muda-mudi CHI (Breakthrough), ENG (Faith) dan BM (SOMA), agar mereka belajar mengasihi Yesus dan hidup untuk memuliakan-Nya.

Diri sendiri

- Berdoa agar kita bersukacita dalam doa dan belajar berdoa bersama sebagai gereja.

- Doakan untuk mereka yang dalam keperluan khusus, baik minda atau rohani; dan untuk 5 sahabat kita. Namakan mereka dalam doa anda.